

SULIT*

2

1 Yang manakah hasil kejayaan dalam dasar penswastaan?

- I Keuntungan syarikat bertambah
- II Pemilikan ekuiti bumiputera bertambah
- III Menggalakkan perkongsian maklumat
- IV Wujud kerjasama erat sektor swasta dan awam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2

- Menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif
- Meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama

Pernyataan di atas merujuk kepada teras

- A Dasar Sosial Negara
- B Pelan Integriti Nasional
- C Misi Nasional 2006-2020
- D Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010

3 Yang manakah antara berikut objektif Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

- I Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan
- II Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi
- III Menggalakkan perkembangan dalam bidang kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik
- IV Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

4

- Menggalakkan eksport keluaran secara besar-besaran
- Pemasaran barang untuk eksport dirangka dengan teliti bagi mengatasi halangan dan sekatan

Pernyataan di atas merujuk kepada rasional

- A Dasar Sogoshosha
- B Dasar Penswastaan
- C Dasar Persyarikatan
- D Pelan Induk Perindustrian Negara

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

3

- 5
- Forum perbincangan tentang dasar ekonomi
 - Ahli politik termasuk pembangkang dipilih menjadi ahli

Pernyataan di atas merujuk kepada strategi

- A Dasar Wawasan Negara
- B Dasar Pembangunan Nasional
- C Majlis Tindakan Ekonomi Negara
- D Majlis Perundingan Ekonomi Negara

- 6
- Mengelakkan pergantungan pada barang-barang dan teknologi asing
 - Meningkatkan keupayaan industri kecil dan industri sokongan

Pernyataan di atas merujuk kepada objektif

- A Dasar Penswastaaan
- B Dasar Perindustrian Berat
- C Dasar Belilah Barangan Buatan Malaysia
- D Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam

- 7 Yang manakah antara dasar berikut paling berkesan untuk menangani krisis makanan dan pengurangan import?

- A Wawasan 2020
- B Dasar Pertanian Negara
- C Pelan Induk Perindustrian
- D Dasar Pembangunan Nasional

- 8
- Dasar Hala Tuju Cara Baru bertujuan untuk membangun kawasan luar bandar

Yang manakah merupakan strategi yang digunakan untuk melaksanakan dasar di atas?

- I Melaksanakan projek pembangunan kerajaan
 - II Memberi bantuan kewangan kepada golongan petani muda
 - III Meningkatkan pendapatan golongan petani dan pekerja desa
 - IV Mengelompokkan kampung-kampung menjadi petempatan yang besar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

4

- 9 Sasaran 70 juta penduduk menjelang tahun 2100 adalah matlamat Dasar Kependudukan

Apakah faedah dasar di atas terhadap kemajuan negara?

- I Meluaskan pasaran
- II Membekalkan tenaga kerja
- III Mengurangkan beban kerajaan
- IV Menjimatkan kos pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 10 Yang manakah langkah kerajaan untuk meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai yang lebih tinggi melibatkan swasta?

- I Pelancaran koridor ekonomi
- II Mengurangkan cukai pendapatan syarikat
- III Menggalakkan pengeluaran komoditi pertanian
- IV Pembangunan bioteknologi penjagaan kesihatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 11 Yang manakah benar tentang pendekatan Malaysia dalam menangani konflik antarabangsa?

- A Menggesa negara yang teraniaya melancarkan serangan balas
- B Pemupukan dan persefahaman global demi kepentingan bersama
- C Pihak bertelagah di bawa ke meja rundingan untuk penyelesaian bersama
- D Penghantaran pasukan pengaman atau tentera di bawah panji Bangsa-Bangsa Bersatu

- 12 Yang manakah benar tentang objektif Forum Serantau ASEAN (ARF)?

- A Memupuk keyakinan dan diplomasi di rantau Asia Pasifik
- B Membebaskan rantau Asia Tenggara daripada kuasa besar
- C Menjamin keselesaan perairan di Asia Tenggara
- D Menyedia bantuan latihan dan penyelidikan

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

5

13

ASEAN	→	China, Jepun, Korea Selatan, India, Australia, New Zealand
-------	---	---

Yang manakah antara berikut berkaitan dengan hubungan di atas?

- I Bekerjasama untuk mengatasi masalah hutang negara anggota
- II Mengukuhkan dialog strategik dan kerjasama politik serantau
- III Hubungan kerjasama untuk mengukuhkan kedudukan komuniti ASEAN
- IV Mewujudkan mekanisme mengenai bencana dan tindak balas kecemasan terancang

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Yang manakah antara berikut menunjukkan kesepakatan ASEAN dalam konflik antarabangsa?

- I Mengutuk keras serangan Israel terhadap Palestin dan Lubnan
- II Menyokong tindakan sekatan terhadap Iran berkaitan isu nuklear
- III Menggesa Myanmar mempercepat proses keamanan dan peralihan demokrasi
- IV Bersepakat untuk menubuhkan pasukan keselamatan bagi mengatasi krisis di Iraq dan Semenanjung Korea

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

15

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Kesatuan Eropah (EU)• Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)• Kesatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) |
|---|

Yang manakah merupakan persamaan objektif pertubuhan di atas?

- I Kerjasama ekonomi bersifat serantau
- II Mencapai pendirian bersama di peringkat antarabangsa
- III Membentuk pakatan dan kerjasama blok perdagangan bebas
- IV Menarik pelabur asing untuk menanam modal di negara-negara anggota

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

6

16 Yang manakah pendirian Malaysia berikut bertentangan dengan prinsip Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)?

- A Keganasan di selatan Thai
- B Keganasan di selatan Filipina
- C Serangan Amerika ke atas Iraq
- D Serangan Iraq terhadap Kuwait

- 17
- Wujudnya Skim Keutamaan Am (GSP)
 - Perdagangan bebas, adil dan saksama

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Kesatuan Eropah (EU)
- B Dialog Utara-Selatan
- C Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)
- D Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA)

18 Yang manakah antara maklumat berikut benar tentang Komanwel?

- I Mencapai kemerdekaan Uganda
- II Ratu Britain diakui ketua Komanwel
- III Myanmar keluar dari Komanwel pada tahun 1950
- IV Mengadakan Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM)

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 19
- Mengadakan dialog antara negara maju dengan membangun
 - Mengenal pasti dan melaksanakan projek-projek yang menggalakkan kerjasama teknikal dalam kalangan negara anggota

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Kumpulan 15 (G15)
- B Kumpulan 8 Negara-Negara Maju (G8)
- C Kerjasama Ekonomi Asia pasifik (APEC)
- D Kumpulan 8 Negara-Negara Membangun (D8)

- 20
- Kumpulan 15
 - Kumpulan 77
 - Suruhanjaya Selatan-Selatan

Yang manakah berkaitan dengan pertubuhan di atas?

- A Memulaukan barangan import dari negara-negara Barat
- B Mendapatkan pelupusan hutang dari negara-negara maju
- C Mewujudkan kerjasama ketenteraan di antara negara-negara anggota
- D Mewujudkan kerjasama ekonomi dan meningkatkan produktiviti negara anggota

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

7

21 Yang manakah peranan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja?

- I Setiausaha Majlis Raja-Raja
- II Mengesahkan keputusan Majlis Raja-Raja
- III Memilih Timbalan Yang di-Pertuan Agong
- IV Menyetujui atau tidak sebarang undang-undang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Yang manakah benar tentang kementerian?

- I Diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian
- II Semua kementerian mesti membuat akaun kewangan
- III Kementerian mempunyai kuasa menggubal undang-undang
- IV Pegawai-pegawai kementerian dilantik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

23

- Menyelaras, mengurus, memantau, menilai dasar dan pelaksanaan projek pembangunan termasuk projek khas Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang
- Mengurus, melaksana, memantau, menilai peruntukan khas Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara

Pernyataan di atas merujuk kepada fungsi utama

- A Perbendaharaan
- B Jabatan Perdana Menteri
- C Unit Perancang Ekonomi
- D Unit Penyelarasan Pelaksanaan

24 Antara jawatan berikut, yang manakah terlibat dalam Jawatankuasa Perhubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri?

- I Menteri Besar
- II Setiausaha Parlimen
- III Ketua Setiausaha Negara
- IV Setiausaha Kerajaan Negeri

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

8

- 25
- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Pinjaman oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan • Projek-projek pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri |
|---|

Penyataan di atas merujuk kepada peranan

- A Perbendaharaan
- B Unit Perancang Ekonomi
- C Majlis Kewangan Negara
- D Majlis Pembangunan Negara

- 26 Yang manakah bidang tugas Pasukan Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH)?

- I Meningkatkan kecekapan dalam kalangan anggota kakitangan kerajaan
- II Memberi khidmat perundingan pengurusan kepada organisasi kerajaan
- III Mengkaji semula dan menambah baik proses dan prosuder perkhidmatan kerajaan
- IV Mempelajari amalan-amalan terbaik sektor swasta untuk digunakan oleh sektor awam

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 27
- | |
|--|
| Meluluskan permohonan pinjaman perumahan kakitangan kerajaan |
|--|

Berdasarkan maklumat di atas, pihak manakah yang bertanggungjawab untuk meluluskan permohonan tersebut?

- A Bank Negara
- B Perbendaharaan Negara
- C Majlis Keselamatan Negara
- D Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

28

Agensi	Peranan
I FAMA	X Usaha Pembangunan Tanah Persekutuan
II FELCRA	Y Memasarkan hasil pertanian penduduk desa
III FELDA	Z Memulihkan tanah terbiar dan menyatukan tanah-tanah bersaiz kecil

Yang manakah padanan yang betul antara agensi dengan peranannya?

	I	II	III
A	X	Z	X
B	Y	Z	X
C	Y	X	Z
D	Z	X	Y

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

9

29 Yang manakah tugas-tugas Yang Dipertua Negeri?

- I Melantik Majistret
- II Melantik Ketua Menteri
- III Memilih Yang di-Pertuan Agong
- IV Melantik sendiri ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30

- Merancang dan menyelaras segala dasar kerajaan negeri
- Menentukan pelaksanaan dasar-dasar oleh agensi-agensi kerajaan negeri

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Jabatan Perdana Menteri
- B Pejabat Kemajuan Negeri
- C Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
- D Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri

31

- Membentuk dasar-dasar kerajaan negeri
- Bubar apabila Menteri Besar atau Ketua Menteri meletakkan jawatan

Pernyataan di atas merujuk kepada fungsi yang dijalankan oleh

- A Dewan Undangan Negeri
- B Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- C Jawatankuasa Perancangan Negeri
- D Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

32 Yang manakah antara berikut benar tentang ahli Majlis Kerajaan Tempatan?

- I Majlis Perbandaran diketuai oleh Pengerusi Majlis Bandaran
- II Semua ahli Majlis dilantik oleh kerajaan negeri selama lima tahun
- III Jumlah ahli bagi Majlis Perbandaran biasanya antara 8 hingga 24 orang
- IV Pegawai Daerah biasanya memegang jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

10

33 Tujuan Akta Kerajaan Tempatan 1976 digubal ialah

- I Meminimumkan pembaziran wang dan tenaga
- II Menyelaraskan pemilihan ahli Majlis Tempatan
- III Menjadikan pentadbiran kerajaan tempatan lebih berkesan
- IV Melaksanakan pilihanraya bagi memilih ahli Majlis Tempatan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

34 Yang manakah benar tentang rang undang-undang kewangan?

- I Rang undang-undang dikemukakan dan dimulakan di Dewan Rakyat
- II Dewan Negara tidak mempunyai kuasa untuk membuat sebarang pindaan
- III Rang undang-undang dikembalikan ke Dewan Rakyat jika Dewan Negara meluluskannya
- IV Pembentangan rang undang-undang boleh dimulai dalam mana-mana dewan bagi Majlis Parlimen

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

35 Yang manakah benar tentang Dewan Rakyat?

- I Yang Dipertua Dewan Rakyat dibantu oleh dua orang pembantu
- II Perdana Menteri akan mempengerusikan mesyuarat Dewan Rakyat
- III Yang di-Pertuan Agong merasmikan sidang penggal baru Dewan Rakyat
- IV Setiap ahli Dewan Rakyat diwajibkan hadir semasa sesi sidang Dewan Rakyat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

36 Yang manakah antara pihak berikut menyediakan draf rang undang-undang sebelum dikemukakan kepada Kabinet untuk dibentang?

- A Setiausaha Politik
- B Jabatan Peguam Negara
- C Ketua Setiausaha Kementerian Berkaitan
- D Menteri dan pegawai kementerian terbabit

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

11

37 Yang manakah benar tentang kuasa perundangan Yang Dipertua Negeri?

- I Meluluskan undang-undang negeri
- II Menghadiri mesyuarat Majlis Raja-Raja
- III Sebahagian komponen perundangan negeri
- IV Terlibat dalam persidangan Dewan Undangan Negeri

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

38 Yang manakah benar tentang Dewan Undangan Negeri?

- I Berbentuk sekamar
- II Berkuasa meluluskan pindaan berkaitan hak istimewa Raja-Raja
- III Menteri Besar akan merasmikan pembukaan sidang baru Dewan Undangan Negeri
- IV Komponen Dewan Undangan Negeri terdiri daripada Dewan Undangan Negeri dan Raja atau Yang Dipertua Negeri

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 Yang manakah benar tentang anggota Suruhanjaya Pilihan Raya?

- I Bukan ahli parlimen
- II Saraan ditanggung oleh kabinet
- III Anggota dilantik oleh Majlis Raja-Raja
- IV Boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40 Yang manakah antara warganegara berikut layak mengundi secara pos setelah berumur 21 tahun?

- I Encik P yang sedang menjalani rawatan di England
- II Encik Q yang sedang dalam penjelajahan mengelilingi Eropah
- III Encik R seorang pegawai kerajaan menjalani kursus kedoktoran di Jerman
- IV Encik S seorang anggota tentera yang berkhidmat di bawah PBB di Somalia

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

12

41 Yang manakah benar tentang Mahkamah Majistret?

- I Membicarakan hukuman tidak melebihi 10 tahun
- II Mengendalikan kes sivil tidak melebihi RM250.00
- III Mengeluarkan writ atau saman berkaitan dengan tuntutan sewa
- IV Majistret dilantik oleh Yang DiPertuan Agong atau Ketua Negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

42 Mahkamah ini boleh membicarakan semua jenis kesalahan dan menjatuhkan semua jenis hukuman mengikut undang-undang kecuali hukuman mati

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Mahkamah Tinggi
- B Mahkamah Sesyen
- C Mahkamah Majistret
- D Mahkamah Khas Raja-Raja

43 Yang manakah benar tentang Mahkamah Khas?

- I Bidang kuasa sama seperti mahkamah awam yang lain
- II Keputusan adalah muktamad dan tidak boleh dicabar oleh mana-mana Mahkamah
- III Tindakan undang-undang terhadap raja boleh dimulakan oleh mana-mana peguam yang dilantik
- IV Membicarakan kesalahan yang dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong, Raja, Sultan, Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertua Negeri

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

44 Yang manakah kes sivil yang dibicarakan di Mahkamah Syariah?

- I Tuntutan penjagaan anak
- II Menyebarkan ajaran sesat
- III Pembahagian harta pusaka
- IV Mengelak daripada membayar zakat fitrah

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

13

45 Yang manakah kuasa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan kepada mahkamah?

- I Kuasa mentafsir perlembagaan
- II Kuasa menggubal undang-undang
- III Menguatkuasakan undang-undang yang digubal oleh parlimen
- IV Melindungi hak asasi rakyat daripada pencabulan oleh pihak-pihak tertentu

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Soalan 46 hingga 48 berdasarkan **Jadual 1** di bawah ini.

Jadual 1: Kemiskinan Isirumah Mengikut Kaum dan Kawasan di Negara X

Kumpulan kaum	Luar bandar		Bandar	
	Isirumah (000)	% kalangan isirumah miskin	Isirumah (000)	% kalangan isirumah miskin
G	18.2	18.1	1.3	21.0
H	47.6	47.3	0.9	13.9
I	12.0	11.9	1.0	0.8
J	7.5	7.4	0.3	4.7
K	11.3	11.2	3.7	58.5

46 Yang manakah di antara kumpulan kaum berikut yang mempunyai lebih banyak bilangan isirumah yang miskin di bandar jika dibandingkan dengan luar bandar?

- A G
- B H
- C J
- D K

47 Bilangan isirumah yang miskin di negara X paling banyak terdapat dalam kumpulan kaum

- A K
- B I
- C H
- D G

48 Yang manakah pernyataan yang benar tentang **Jadual 1** di atas?

- I Bilangan isirumah yang miskin bagi kumpulan J adalah lebih kecil berbanding dengan kumpulan kaum I.
- II Bilangan isirumah yang miskin bagi kumpulan kaum H di luar bandar adalah sama banyak dengan kumpulan kaum G di bandar.
- III Jumlah isirumah yang miskin di bandar adalah lebih kecil berbanding dengan luar bandar.
- IV Peratusan isirumah yang miskin di luar bandar bagi kumpulan kaum G dan K adalah tinggi berbanding dengan di bandar.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*


SULIT*

14

49 Encik Y membeli sebuah rumah kos rendah. Harga rumah tersebut ialah RM 37 273.00. Encik Y membuat pinjaman sebanyak 75 peratus daripada harga rumah itu. Beliau terpaksa mengeluarkan wang sendiri sebanyak 7 peratus daripada jumlah pinjaman rumah itu untuk membayar insurans rumahnya. Berapakah premium insurans yang perlu dibayar oleh Encik Y?

- A RM 654.37
- B RM 1314.06
- C RM 1956.83
- D RM 2 609.11

Soalan 50 berdasarkan **Graf 1** di bawah ini.



50 Seorang guru telah mengadakan ujian Bahasa Melayu. Keputusan ujian telah dianalisis dan hasil grafnya adalah seperti di atas. Ini bererti markah murid-murid itu adalah

- A tertumpu kepada jumlah markah tertinggi
- B berpusat pada markah paling rendah
- C berkelompok pada markah purata
- D tersebar jauh dari markah purata

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

15

Soalan **51** dan **52** berdasarkan petikan berikut.

Sebanyak 13 004 kebakaran melibatkan kerugian harta benda bernilai RM 253.9 juta berlaku sepanjang tahun 2003. Angka ini menunjukkan peningkatan berbanding dengan 10 370 kebakaran dan kerugian bernilai RM 211.3 juta pada tahun 2002. Kebakaran tahun 2003 merangkumi 2115 kebakaran bangunan, 595 kenderaan, 250 bahan petrol, kimia dan gas serta 10 044 kebakaran jenis lain. Jumlah kematian akibat kebakaran pada tahun 2003 juga meningkat sebanyak 65.4% berbanding tahun 2002 hanya berjumlah 26 orang.

51 Jumlah kematian disebabkan kebakaran pada tahun 2003 ialah

- A 9 orang
- B 17 orang
- C 43 orang
- D 54 orang

52 Jumlah pengurangan nilai purata kerugian akibat kebakaran pada tahun 2003 berbanding dengan tahun 2002 ialah lebih kurang

- A RM 900.00
- B RM 800.00
- C RM 850.00
- D RM 1 050.00

Soalan **53** berdasarkan **Jadual 2** di bawah ini.

Jadual 2: Statistik Kemalangan dan Kematian dari Tahun 1993 sehingga Tahun 2001

Tahun	Kemalangan	Kematian
1993	135 995	4 666
1994	148 801	5 759
1995	162 491	5 712
1996	189 109	6 304
1997	215 632	6 302
1998	211 037	5 740
1999	223 116	5 791
2000	248 765	5 997
2001	262 235	5 742

53 Yang manakah benar tentang statistik kemalangan dan kematian yang berlaku dari tahun 1993 sehingga tahun 2001 dalam jadual di atas?

- I Peratus kematian pada tahun 2001 ialah 11.03%
- II Jumlah kematian akibat kemalangan sentiasa meningkat setiap tahun
- III Peratus pertambahan kemalangan antara tahun 1995 dan 1996 ialah 16.4%
- IV Pada tahun 1993 jumlah kematian berbanding jumlah kemalangan adalah yang paling sedikit

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

16

54 Berat P ialah 48 kilogram Berat Q ialah 8 kilogram kurang daripada P. Berat R 14 kilogram kurang daripada Q dan P. Berapakah jumlah dalam kilogram berat R.?

- A 54 kilogram
- B 62 kilogram
- C 70 kilogram
- D 74 kilogram

55 Harga sepasang baju ialah RM75.00. Puan Y membeli baju itu dan mendapat potongan harga 20 %. Kemudian, Puan Y membeli sehelai seluar berharga RM12.50. Berapakah jumlah wang yang Puan Y perlu bayar?

- A RM15.00
- B RM27.00
- C RM60.00
- D RM72.50

Soalan 56 berdasarkan **Jadual 3** di bawah ini.

Jadual 3: Bilangan Pekerja di Malaysia Mengikut Jantina dan Tahun

Tahun	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001
Jumlah	7 645	8 399	8 568	8 599	8 837	9 321	9 535
Perempuan	2 588	2 885	2 911	2 880	2 986	3 323	3 323
Lelaki	5 056	5 514	5 657	5 718	5 851	6 086	6 212

56 Yang manakah benar tentang bilangan pekerja di Malaysia seperti dalam jadual di atas?

- I Bilangan pekerja meningkat setiap tahun
- II Peratusan pekerja lelaki pada tahun 2001 ialah 65.14 %
- III Peratusan pekerja perempuan pada tahun 1997 melebihi 50 %
- IV Pekerja lelaki melebihi pekerja perempuan sebanyak 30.6 % pada tahun 2000

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

57

Sebuah kotak mengandungi 85 biji buah durian, 50 biji buah rambutan, dan 55 biji buah langsung. 20% daripada buah durian, 30% daripada buah rambutan, dan 40% daripada buah langsung telah dimasukkan ke dalam kotak yang lain.

Hitung jumlah buah-buahan yang masih tinggal dalam kotak itu.

- A 54
- B 74
- C 136
- D 190

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

17

Soalan 58 berdasarkan **Jadual 4** di bawah ini.**Jadual 4: Jumlah Jualan Kenderaan Pada Januari-Jun Tahun 2003 dan 2004**

Keluaran	Januari-Jun 2004	Januari-Jun 2003
	Unit	Unit
Nasional	154,281	150,191
Bukan Nasional	69,973	49,235
Jumlah	224,254	199,426

58 Yang manakah antara berikut benar tentang jumlah jualan kenderaan dalam jadual 4?

- I Jumlah perbezaan jualan bagi kedua-dua kenderaan adalah 192,3640 unit.
- II Penjualan kenderaan nasional melebihi dua kali ganda kereta bukan nasional
- III Kedua-dua kenderaan nasional dan bukan nasional menunjukkan peningkatan dalam jualan
- IV Peratus peningkatan jualan kenderaan Nasional ialah 2.73% antara Januari-Jun 2003 dan Januari- Jun 2004

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

59 Berat seguni beras jenis A ialah 53.79 kilogram, manakala berat seguni beras jenis B ialah 5.27 kilogram lebih ringan daripada jenis A. Berapakah berat seguni beras gred B dalam kilogram?

- A 69.06 kilogram
- B 59.06 kilogram
- C 58.52 kilogram
- D 48.52 kilogram

60 Gaji pokok Encik Z ialah RM3,980.00 sebulan. Beliau menerima elaun rumah sebanyak RM1,500.00 dan elaun keraian sebanyak RM900.00 setiap bulan. Disamping itu beliau juga menerima elaun percutian sebanyak RM3,600.00 setahun dan diberi bonus sebanyak 3 ½ bulan bagi setahun. Pendapatan bulanan Encik Z ialah

- A RM11,140.83
- B RM8,740.83
- C RM7,840.83
- D RM7,540.83

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*